

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)  
DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 28 NOVEMBER 2019 | KHAMIS**

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI AHMAD BIN HAMZAH [ JASIN ]**

**SOALAN**

**DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAMZAH [ JASIN ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah benar aset Tabung Haji telah meningkat 3.3 kali ganda dari RM21.1 bilion pada akhir tahun 2008 kepada RM69.4 bilion pada akhir tahun 2017 dan pada tempoh itu purata hibah tahunan adalah 6.75%.

**JAWAPAN : (MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah aset bersih (tidak mengambil kira Kumpulan Wang Simpanan Pendeposit sebagai liabiliti) Lembaga Tabung Haji (**TH**) telah meningkat dari RM21.2 bilion kepada RM69.4 bilion dari akhir tahun 2008 hingga akhir 2017. Berikut adalah statistik yang berkaitan:

	<b>Aset RM' Bilion</b>	<b>Liabiliti* RM' Bilion</b>	<b>Aset Bersih RM' Bilion</b>	<b>Simpanan Pendeposit RM' Bilion</b>
2008	21.6	0.4	21.2	19.7
2009	24.6	0.3	24.3	22.5
2010	28.8	0.5	28.3	27.6
2011	32.4	0.4	32.0	30.0

**SOALAN NO : 16**

2012	40.6	0.4	40.1	35.8
2013	48.8	0.6	48.2	43.1
2014	54.8	0.7	54.0	51.1
2015	60.2	0.7	59.5	59.3
2016	64.3	0.7	63.8	64.8
2017	70.3	0.9	69.4	70.2

(Nota : \* Tidak mengambil kira Kumpulan Wang Simpanan Pendeposit)

Bagi tempoh yang sama, purata kadar hibah tahunan (tidak termasuk kadar hibah khas/haji) yang diisytihar oleh **TH** adalah bukan pada kadar 6.75% tetapi pada kadar purata 5.40%. Kadar hibah terendah 4.25% dicatatkan bagi tahun 2016 dan pada kadar tertinggi 6.50% bagi tahun 2012.

Berikut adalah statistik yang berkaitan:

	<b>Kadar Hibah Tahunan %</b>	<b>Kadar Hibah Khas/Haji %</b>	<b>Jumlah Hibah Tahunan RM' Juta</b>	<b>Jumlah Hibah Khas/Haji RM' Juta</b>	<b>Jumlah Hibah Keseluruhan RM' Juta</b>
2008	5.00	-	900	-	900
2009	5.00	-	1,067	-	1,067
2010	5.50	-	1,332	-	1,332
2011	6.00	-	1,678	-	1,678
2012	6.50	1.50	2,141	317	2,458
2013	6.00	2.00	2,409	223	2,632
2014	6.25	2.00	2,988	249	3,237
2015	5.00	3.00	2,807	413	3,220
2016	4.25	1.50	2,646	225	2,871
2017	4.50	1.75	3,042	282	3,324

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, auditan oleh Jabatan Audit Negara selesai pada 16 Julai 2018, manakala hibah bagi tahun 2017 diumumkan **TH** pada 7 Februari 2018.

Penyata Kewangan **TH** bagi tahun berakhir 31 Disember 2017

yang telah diaudit Jabatan Audit Negara jelas menunjukkan bahawa jumlah aset pada tarikh penyata kewangan adalah sebanyak RM70.3 bilion manakala jumlah liabiliti dan kumpulan wang simpanan pendeposit (termasuk hibah bagi tahun 2017) adalah sebanyak RM74.4 bilion, menjadikan jumlah defisit yang dinyatakan dalam Penyata Kewangan yang telah diaudit sebanyak RM4.1 bilion pada 31 Disember 2017.

Jabatan Audit Negara juga melalui Laporan Ketua Audit Negara bertarikh 16 Julai 2018 telah menegur **TH** melalui dua (2) *Emphasis of Matter* seperti berikut:

1. Polisi rosot nilai yang tidak konsisten; dan
2. Kegagalan membuat peruntukan rosot nilai yang secukupnya dalam Penyata Untung & Rugi

Kaedah penetapan polisi rosot nilai aset kewangan **TH** tidak konsisten terutamanya pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 di mana polisi ini telah diubah sebanyak dua (2) kali. Perubahan polisi rosot nilai ini telah diguna pakai untuk membolehkan **TH** mengagihkan hibah yang tinggi untuk tahun 2017.

Lanjutan dari teguran dari Jabatan Audit Negara tersebut, **TH** telah mengambil khidmat nasihat tetuan PriceWaterhouseCoopers (PwC) bagi membuat penilaian (*financial review*) terhadap kedudukan kewangan **TH** bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2017 (yang telah diaudit). Menurut penilaian kedudukan kewangan oleh PwC, **TH** yang merekodkan defisit sebanyak RM4.1 bilion adalah tidak berkeupayaan untuk mengagihkan hibah bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 sebagaimana dikehendaki oleh Akta Tabung Haji 1995. Sekian. Terima kasih.